

TARIKH	29/03/2016	SEKSYEN	Negara
MUKA SURAT	17	RUANGAN	

## Tunggu kerajaan Pusat putuskan isu moratorium bauksit

**KUANTAN** - Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah menitahkan semua pihak agar menyerahkan keputusan berhubung isu moratorium perlombongan bauksit di negeri ini kepada kerajaan Persekutuan.

Bagaimanapun tegas baginda, keputusan yang dibuat perlu mengambil kira kepentingan semua pihak.

"Saya ingat kita tunggu laporan pihak kerajaan (Persekutuan) kerana

mereka yang membuat ikata putus. Kalau difikirkan (perlu) disambung (moratorium), sambunglah dan kalau difikirkan teruskan (perlombongan bauksit), teruskanlah," titah baginda.

Tengku Abdullah bertitah demikian kepada pembenaran selepas majlis penyerahan zakat perniagaan daripada Lembaga Tabung Haji (LTH) kepada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang di Istana Abdul Aziz di sini semalam.

Hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif LTH, Tan Sri Ismee Ismail.

Kerajaan Persekutuan sebelum ini mengeluarkan arahan moratorium selama tiga bulan ke atas semua aktiviti perlombongan bauksit di negeri ini bermula 15 Januari lalu bagi mencari kelemahan prosedur dalam pelaksanaan aktiviti tersebut sehingga berlaku pencemaran yang serius.

Arahan moratorium itu berakhir pada 15 April ini.



TENGKU ABDULLAH (tengah) menerima replika cek pembayaran zakat yang diserahkan oleh Ismee (tiga dari kanan) pada Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan di Istana Abdul Aziz, Kuantan semalam.